

eISSN 2948-4200



9 7 7 2 9 4 8 4 2 0 0 0 4



جامعة تكنولوجيا مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Hospital  
UiTM

# BULETIN

## HOSPITAL UiTM

BIL. 1/2022



# ISI **KANDUNGAN**

---

Lawatan Kerja Daerah Rehabilitation Hospital Putrajaya Ke HUiTM

---

HUiTM Terima Lawatan Kerja Dari Hospital Pengajar Dan Pusat Perubatan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

---

HUiTM Terima Lawatan Kerja Dari Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (HPUNiSZA), Terengganu

---

Lawatan Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) Ke Hospital UiTM

---

Kunjungan Hormat Duta CUBA Ke HUiTM

---

Lawatan Kerja Daerah Rehabilitation Hospital Putrajaya Ke HUiTM

---

Sesi Serahan Sumbangan Raya Raikan Kakitangan HUiTM Bertugas Pada 1 Syawal

---

Majlis Iftar Perdana Dan Ceramah Nuzul Al- Quran HUiTM 2022

---

Clinico-Pathological Conference (Cpc) Julung Kali Diadakan Di HUiTM

---

HUiTM Jayakan Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Perlis

---

6th UiTM Basic Laparoscopic Skills Workshop 2022

---

Program KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS)

---

Hari Bertemu Pelanggan Hospital UiTM (HUiTM) Dapat Sambutan Menggalakkan

---

Program Ceramah Israk & Mikraj: 'SOLAT: AUDIT BAGI HEBAT

---

Setahun Operasi

---

Solat Jumaat Pertama Di Surau HUiTM

---

Unit Onkologi & Hematologi HUiTM Mula Operasi

---

Jabatan Kecemasan HUiTM Mula Operasi

## Sesi Serahan Sumbangan Aidilfitri Raikan Kakitangan HUiTM Bertugas Pada 1 Syawal

2 Mei 2022

Warga staf HUiTM yang bertugas pada hari raya Aidilfitri diraikan dalam suasana yang meriah dan penuh kesyukuran. Tatkala warga pulang ke kampung halaman untuk menyambut Aidilfitri bersama keluarga tersayang, mereka tetap bersemangat bekerja pada hari lebaran demi komitmen tugas.

Sesi sumbangan sebagai tanda penghargaan kepada kakitangan dari pelbagai jabatan yang bertugas pada 1 Syawal telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Izuanuddin Ismail, Timbalan Pengarah (Klinikal) HUiTM.



## Majlis Iftar Perdana dan Ceramah Nuzul Al-Quran HUiTM 2022

22 April 2022

Majlis Iftar Perdana dan Ceramah Nuzul Al-Quran HUiTM 2022 berlangsung dengan jayanya dengan kehadiran warga HUiTM dan TRIPlc. Majlis dimulakan dengan sesi bacaan bacaan Yasin dan tahlil sebelum sesi berbuka puasa. Sesi ceramah Nuzul Al-Quran selepas solat Maghrib dengan tajuk 'Ibrah Dari Surah Al-Qadr' telah disampaikan oleh Dr. Mohd Dasuqki Mohd Sirajuddin, Pensyarah Kanan, ACIS UiTM.

Majlis diserikan dengan kehadiran Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim, Pengarah HUiTM; Prof. Madya Dr. Ahmad Izuanuddin Ismail, Timbalan Pengarah HUiTM dan YBhg. Dato' Jamaludin Buyong, Pemangku Pengarah Urusan TRIPlc.

Majlis turut disertai oleh 20 orang wakil (18 orang pelajar, 2 orang guru) dari Ma'ahad Tahfiz Ismail, Puncak Alam. Syabas kepada jawatankuasa kerja majlis yang telah memberi komitmen yang tinggi bagi memastikan program berjalan lancar. Terima kasih juga kepada semua hadirin yang hadir memeriahkan majlis.

## Clinico-Pathological Conference (CPC) Julung Kali Diadakan di HUiTM

13 April 2022

Buat julung kalinya Clinico-Pathological Conference (CPC) diadakan di Hospital UiTM Puncak Alam dengan sambutan kehadiran yang amat menggalakkan daripada wakil staf Fakulti Perubatan UiTM dan HUiTM. Pengajuran CPC di HUiTM ini amat bertepatan dengan peranannya sebagai sebuah Hospital Pengajar Universiti (HPU). Sebelum ini CPC dijalankan di Fakulti Perubatan UiTM Sungai Buloh iaitu pada setiap hari Rabu. CPC kali ini dimulakan dengan perkongsian dari Jabatan Perubatan Permulihan dengan sesi pembentangan diberi oleh Dr Mazlifah Omar (Pakar Perubatan Pemulihan), Dr Muhammad Mahdi Abdul Razak (Jabatan Perubatan Pemulihan), Puan Hanisah Mahmood (Occupational Therapist) dan wakil dari SOCSO.

Program turut dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Fazah Akhtar Hanapiah, Dekan Fakulti Perubatan UiTM dan Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim, Pengarah HUiTM yang seterusnya menyempurnakan sesi pelancaran CPC di HUiTM Puncak Alam.

Syabas kepada kumpulan koordinator Clinicopathology Conference (CPC) dan tenaga kerja dari Fakulti Perubatan dan HUiTM atas komitmen untuk memastikan program berjalan lancar serta platform pengajaran ini menarik dan mendapat sambutan.



## HUiTM Jayakan Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Perlis

25 Mac 2022

UiTM sentiasa mendokong inisiatif pentadbiran yang direncanakan oleh kerajaan khususnya dalam usaha meningkatkan kesejahteraan sosial dan memperkasakan penyampaian perkhidmatan selaras dengan fokus utama Aspirasi Keluarga Malaysia.

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Perlis yang berlangsung pada 25-27 Mac 2022 turut dijayakan oleh Hospital UiTM di 2 lokasi iaitu di Kompleks Belia & Sukan Negeri Perlis dan Stadium Tuanku Syed Putra, Kangar. Antara perkhidmatan yang disediakan ialah saringan kesihatan dan klinik bergerak yang menawarkan pemeriksaan gigi dan mata secara percuma kepada orang ramai.

Hospital UiTM diwakili oleh seramai 40 orang petugas kesihatan yang antaranya terdiri daripada jururawat, doktor perubatan dan doktor pakar dengan diketuai oleh Dr. Izzat Ismail, Timbalan Pengarah (Sokongan Klinikal) HUiTM. Alhamdulillah program berjalan dengan lancar dengan sambutan yang amat menggalakkan dan kerjasama yang amat positif daripada warga Perlis.

Sebelum itu, HUiTM turut terlibat menjayakan program KPT Prihatin Keluarga Malaysia Negeri Johor pada 3-6 Mac 2022 melibatkan lokasi di Pantai Rekreasi Rambah, Pontian, Kawasan Tenggara, Kota Tinggi, Sungai Pinggan, Benut Pontian dan Kg. Separap, Parit Sulong (10-11 Mac 2022).





## 6th UiTM Basic Laparoscopic Skills Workshop 2022

23 Mac 2022

'6th UiTM BASIC LAPAROSCOPIC SKILLS WORKSHOP 2022' anjuran Jabatan Pembedahan Hospital UiTM telah diadakan selama 2 hari iaitu bermula 23-24 Mac 2022, bertempat di Hospital UiTM Puncak Alam. Program bersiri yang dianjurkan setiap tahun ini disertai oleh pelajar perubatan (sarjana) dan pegawai perubatan dari seluruh negara. Antara panel jemputan yang turut menjayakan program ialah Prof. Madya Dato' Dr. Nik Rizza (UKM), Dr. Yan Yang Wai (Hospital Ipoh) dan Dr. Zairul Azwan (UKM).

Syabas Jabatan Pembedahan HUiTM atas kejayaan penganjuran program.

## Program KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) di Johor Capai Matlamat

24 Februari 2022

UiTM sentiasa menyokong program pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat selaras dengan fokus strategik KPT 'Memacu Kesejahteraan Komuniti' iaitu dengan menghubungkan peranan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dengan komuniti.

Berbekal semangat prihatin di samping menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR), UiTM menerusi Hospital UiTM menjayakan program 'KPT Prihatin Komuniti Sejahtera' dengan mendekati masyarakat di Segamat dan Muar, Johor bagi menghulurkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan kepada penduduk setempat iaitu di Palong Timur 1 & Palong Timur 2, Bukit Gambir dan juga Simpang Jeram.

Program yang dilaksanakan bermula 24-25 Februari 2022 ini mendapat kerjasama yang amat baik dan positif daripada komuniti setempat dengan sambutan yang sangat menggalakkan di setiap lokasi. Program turut disertai oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd. Sazili Shahibi (Timbalan Naib Canselor HEP UiTM), YBhg. Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim (Pengarah Hospital UiTM) dan YBrs. Dr. Izzat Ismail (Timbalan Pengarah, Sokongan Klinikal HUiTM).

Syabas dan setinggi-tinggi penghargaan buat warga kerja yang telah memberikan komitmen tinggi bagi menjayakan program.



## Hari Bertemu Pelanggan Hospital UiTM (HUiTm) 2022: Peluang HUiTM Dekati Komuniti

7 Mac 2022

Program Hari Bertemu Pelanggan Hospital UiTM (Siri 1/ 2022) yang diadakan hari ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran wakil-wakil pemimpin masyarakat yang terdiri daripada Penghulu dan Ketua Kampung dalam Daerah Kuala Selangor. Program yang turut dihadiri wakil-wakil persatuan penduduk dan wakil NGO ini adalah julung-julung kali diadakan di Hospital UiTM Puncak Alam sejak mula beroperasi bulan April 2021.

Program dimulakan dengan ucapan dan taklimat perkhidmatan hospital oleh Pengarah HUiTM, Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim. Turut hadir ialah Prof. Madya Dr. Ahmad Izuanuddin Ismail, Timbalan Pengarah (Klinikal) HUiTM yang bersama-sama memberi penerangan semasa sesi interaksi dengan warga penduduk.

Sempena program, HUiTM menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan yang dikendalikan oleh Klinik Warga dan saringan mata oleh Jabatan Oftalmologi UiTM secara percuma kepada peserta yang hadir.

Setinggi-tinggi penghargaan buat YBhg. Dato' Sri Dr.Haji Irmohizam Haji Ibrahim (Ahli Lembaga Pengarah UiTM) yang telah hadir menjayakan program dan sudi menyampaikan ucapan seterusnya berkongsi aspirasi HUiTM dan universiti. Ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Selangor yang sudi bekerjasama menyampaikan hebahan program.

HUiTM amat berbesar hati dan juga berterima kasih kepada semua Penghulu, Ketua Kampung, wakil NGO serta persatuan penduduk yang telah meluangkan masa hadir dan berkongsi harapan mereka terhadap perkhidmatan hospital.

Rakaman jutaan terima kasih kepada Campus Bean Café yang sudi menaja buah tangan buat peserta yang hadir. Insha Allah program seumpama ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang.





## Program Ceramah Israk & Mikraj: 'Solat: Audit Bagi Hebat'

2 Mac 2022

Program ceramah sempena memperingati peristiwa Israk Mikraj berlangsung dengan jayanya di Auditorium 2, Hospital UiTM. Program anjuran Unit Hal Ehwal Islam, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia HUiTM dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Selangor (UCS) dan Bank Islam Malaysia Berhad ini menampilkan Ustaz Mohd Elyas Ismail sebagai penceramah dan Ustazah Noor Rashidah A. Rahman (Pegawai Hal Ehwal Islam UCS) sebagai moderator.

Program mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran warga HUiTM dan warga kampus. Sesi turut dihadiri Prof. Madya Dr. Ahmad Izuanuddin Ismail (Timbalan Pengarah Klinikal HUiTM), Encik Mohd Rizal Nordin (Timbalan Pengarah Pengurusan HUiTM), Encik Mohamed Zaki Atip (Ketua Wilayah Tengah 2, Bank Islam Malaysia Berhad) dan Ustazah Khamariah Othman (Timbalan Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan UCS).

Ribuan terima kasih kepada Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Selangor (UCS) atas kerjasama menjayakan program dan setinggi-tinggi penghargaan buat Bank Islam Malaysia Berhad atas sokongan dan sumbangan yang telah diberikan dalam memastikan program berjalan lancar dan mencapai objektif pengajuran.



## Lawatan Kerja DAEHAN Rehabilitation Hospital Putrajaya ke HUiTM Eratkan Hubungan

13 APRIL 2022

HUiTM hari ini menerima kunjungan dari Daehan Rehabilitation Hospital Putrajaya dalam rangka lawatan kerja bagi menjalankan hubungan kerjasama dua hala yang lebih erat khususnya dengan Jabatan Perubatan Pemulihan HUiTM. Delegasi dari Daehan Rehabilitation Hospital Putrajaya diketuai oleh Encik Michael EC Wong, Ketua Pegawai Eksekutif; Dr. Nor Azira Ismail, Pengarah Perubatan; Encik Francis Phan, Ketua Sumber Manusia; Puan Norasikin Mislan @ Bella, Ketua Pemasaran & Jualan; Encik Mohd Affan Faliq, Ketua Operasi dan juga 2 orang ahli terapi serta Pegawai Pemasaran.

Delegasi telah disambut oleh Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim, Pengarah HUiTM; Prof. Madya Dr. Fazah Aktar Hanapiah, Dekan Fakulti Perubatan UiTM; Prof. Dr. Ariza Adnan, Timbalan Dekan (Jaringan Industri, Komuniti & Alumni Fak. Perubatan UiTM); Prof. Madya Dr. Suraya Abdul Razak, Ketua Jabatan Penyelidikan, Jaringan Industri dan Inovasi HUiTM dan Dr Wan Najwa Wan Mohd Zohdi, Ketua Jabatan Perubatan Pemulihan HUiTM.

Sesi lawatan yang berlangsung hampir dua jam ini turut membincangkan peluang kolaborasi yang lebih erat antara kedua-dua institusi di samping keperluan memperbaharui MoU. Delegasi juga dibawa melawat Jabatan Perubatan Pemulihan HUiTM yang terletak di Aras 3 HUiTM.



## Lawatan Kerja Hospital Pengajar dan Pusat Perubatan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) ke HUiTM Eratkan Kerjasama

17 Mac 2022

Hospital UiTM Puncak Alam hari ini menerima lawatan kerja dari Hospital Pengajar dan Pusat Perubatan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Delegasi diketuai oleh Prof. Madya Dr. Ehfa Binti Bujang Safawi, Pengarah Hospital Pengajar dan Pusat Perubatan UNIMAS dengan diiringi 5 orang wakil pegawai termasuk Puan Dyg Nor Hajijah binti Awang Daud, Pengarah Bahagian Endowmen; Encik Shahrul bin Ahmad, Penolong Bendahari Kanan; Encik Abang Mohd Fauzi Abang Abdul Hamid, Jurutera; Puan Norlia Abdullah Abdul Rahman, Matron dan Encik Dev Nath Kaushal, Pensyarah Perubatan di UNIMAS.

Delegasi telah disambut oleh Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim, Pengarah HUiTM; Encik Mohd Rizal Nordin, Timb. Pengarah (Pengurusan & Sumber Manusia) HUiTM, Puan Noor Alzura Alang Idris, Timb. Pengarah (Kewangan) HUiTM dan wakil-wakil pegawai serta ketua jabatan di HUiTM.

Kunjungan selama dua hari ini (17-18 Mac 2022) antaranya diisi dengan sesi lawatan ke wad, klinik pakar, farmasi, dewan pembedahan, Jabatan Kecemasan, Hemodialisis dan Nefrologi, Jabatan Perubatan Pemulihan dan Pusat Rawatan Harian. Delegasi juga diberi taklimat berhubung tadbir urus HUiTM, pengurusan kewangan, endowmen, pengurusan kualiti dan pengurusan kejururawatan.

Rakaman ribuan terima kasih kepada Hospital Pengajar dan Pusat Perubatan UNIMAS atas kesudian berkunjung ke HUiTM Puncak Alam. Semoga kerjasama yang dibina mampu mengerakkan lagi hubungan yang telah terjalin.





## Lawatan Kerja Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (HPUNISZA), Terengganu ke HUiTM Eratkan Hubungan

10 Mac 2022

Hospital UiTM hari ini menerima lawatan kerja dari Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (HPUNISZA), Terengganu. Delegasi diketuai oleh YBhg. Dr. Azmi bin Omar, Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UNiSZA bersama 10 wakil pegawai termasuk Dr. Nik Ahmad Shaiffudin Nik Him (Pengarah Pusat Pembangunan Hospital Universiti) dan Dr. Syaratul Emma Hashim (Timbalan Pengarah PPHU). Turut bersama menyambut delegasi ialah YBhg. Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim (Pengarah HUiTM), Prof. Madya Dr. Ahmad Izuanuddin Ismail (Timbalan Pengarah Klinikal HUiTM), Dr. Izzat Ismail (Timbalan Pengarah Sokongan Klinikal HUiTM) dan Prof. Madya Dr. Suraya Abdul Razak (Ketua Jabatan Penyelidikan, Jaringan Industri dan Inovasi HUiTM).

Selain taklimat dan sesi perkongsian maklumat khususnya berkaitan tadbir urus dan pengoperasian hospital, delegasi dibawa melawat Jabatan Perubatan Pemulihan, Hemodialisis dan Nefrologi, Klinik Eksekutif, Onkologi dan Unit Rawatan Harian.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada HPUNISZA atas kesudian berkunjung ke HUiTM Puncak Alam. Semoga hubungan yang dibina terjalin kukuh.



## Lawatan Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) ke Hospital UiTM

28 Februari 2022

Dalam rangka lawatan kerja oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) bagi tujuan akreditasi Postgraduate Program: Doctor in Oral and Maxillofacial Surgery (DrOMFS) di Fakulti Pergigian UiTM, MQA turut membuat kunjungan ke Hospital UiTM Puncak Alam. MQA disertai oleh Prof. Madya Dr. Firdaus Hariri (Universiti Malaya), Prof. Madya Dr. Rama Krsna Rajandram (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Dr. Arad Jelon (Hospital Kuala Lumpur).

Kunjungan disambut oleh Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim (Pengarah HUiTM) dengan disertai oleh Prof. Madya Dr. Suraya Abdul Razak (Ketua Jabatan Penyelidikan, Jaringan Industri dan Inovasi HUiTM), Dr. Hazmyr Abdul Wahab (Ketua Unit Perkhidmatan Pergigian, Fakulti Pergigian UiTM) serta wakil-wakil pegawai dari Fakulti Pergigian UiTM.

Di samping sesi taklimat dan mesyuarat, delegasi turut dibawa melawat fasiliti-fasiliti yang terdapat di Hospital UiTM.

## Kunjungan Hormat Duta CUBA ke HUiTM

18 Februari 2022

HUiTM hari ini menerima kunjungan hormat daripada H.E Florentino Batista Gonzalez, Duta Besar Cuba ke Malaysia. Turut bersama adalah Madame Saimi Reyes Carmona, Pegawai Diplomatik Kedutaan Cuba.

Sesi kunjungan disertai Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim, Pengarah HUiTM bersama barisan Pengurusan HUiTM, Ketua-ketua Jabatan di HUiTM serta wakil dari Jabatan Hal Ehwal Antarabangsa, UiTM.

Sempena kunjungan, HUiTM dan pihak Kedutaan Cuba berpeluang berkongsi pengalaman dan inisiatif berdepan pandemik COVID-19. Pertemuan turut membincangkan ruang kerjasama khususnya dalam bidang perubatan dan penjagaan kesihatan.





## Sumbangan Bubur Lambuk oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) Ceriakan Warga HUiTM Puncak Alam dan PPUiT M Sungai Buloh

21 April 2022

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada BBMB Cawangan Puncak Alam dan BBMB cawangan Rawang di atas sumbangan bubur lambuk kepada warga Hospital UiTM Puncak Alam dan PPUiT M Sungai Buloh.

Serahan sumbangan telah disampaikan oleh Puan Judy Stephen @ Azzalea Amanda Stephen Abdullah (Pengurus Cawangan) di HUiTM Puncak Alam dan Encik Mohd Shahrul Mohamad (Pengurus Cawangan) di PPUiT M Sungai Buloh. Semoga hubungan yang terjalin terus erat dan berkekalan.



## HUiTM: Setahun Operasi

**5 April 2022**

Alhamdulillah, hari ini genap setahun Hospital UiTM beroperasi di Puncak Alam. Disebalik cabaran dan kekangan yang diharungi sepanjang setahun beroperasi, terselit pelbagai kejayaan yang telah dikecapi. Pencapaian hari ini adalah hasil daripada komitmen semua pihak khususnya pihak pengurusan dan warga kerja yang ingin melihat HUiTM terus mengorak langkah maju ke hadapan.

Hari ini Hospital UiTM gah tersgam indah memacu perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan untuk warga awam. Disebalik kejayaan yang dicapai ini, jasa insan-insan yang telah menabur bakti menyemai budi sehingga kita mengecapi kebanggaan ini tidak harus dilupa. Sama-sama kita panjatkan doa, bulatkan tekad dan bersatu hati agar kecemerlangan terus dicapai.

Sempena meraikan ulang tahun pertama operasi HUiTM dengan majlis doa kesyukuran, turut diadakan bacaan tahlil buat Al-Marhum Dato' Prof. Emeritus Dr. Khalid Yusoff (mantan Dekan Fakulti Perubatan UiTM).



## Solat Jumaat Pertama di Surau HUiTM

4 Mac 2022

Alhamdulillah hari ini warga HUiTM berpeluang menyempurnakan solat Jumaat buat pertama kali di Surau Hospital UiTM setelah mendapat kebenaran secara rasmi oleh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Kuala Selangor. Khutbah Jumaat telah disampaikan oleh Encik Nasrul Hadi bin Rohani, Pegawai Tadbir Agama dari PAID Kuala Selangor manakala solat Jumaat diimamkan oleh Ustaz Ahmad Hafizuddin Abdul Moes, Pegawai Eksekutif (Hal Ehwal Islam), Unit Hal Ehwal Islam HUiTM. Surau ini mampu memuatkan lebih kurang 200 jemaah pada satu-satu masa dan memberi kemudahan bukan sahaja kepada kakitangan HUiTM malah warga awam.





## Unit Onkologi & Hematologi HUiTM Mula Operasi

7 Februari 2022

Unit Onkologi dan Hematologi hari ini mula beroperasi di Aras 1, Hospital UiTM Puncak Alam. Antara perkhidmatan yang disediakan di Unit Onkologi adalah klinik pesakit luar dan rawatan harian termasuk rawatan kemoterapi, terapi sasaran, imunoterapi dan rawatan sokongan seperti bifosfonat. Unit Hematologi pula menyediakan perkhidmatan termasuk pemeriksaan sum-sum tulang, 'venesection' dan 'lumbar puncture'. Unit ini juga memberi rawatan kepada pesakit darah bukan barah (seperti AIHA, ITP dan Talasemia), rawatan pemindahan darah dan platelet serta menjalankan ujian diagnostik/ rawatan untuk Multiple Myeloma.

Syabas buat Unit Onkologi dan Hematologi HUiTM.



## Jabatan Kecemasan HUiTM Mula Operasi

17 Januari 2022

Pembukaan operasi Jabatan Kecemasan hari ini melengkapkan perkhidmatan yang ditawarkan di Hospital UiTM Puncak Alam. Sesi pembukaan diserikan dengan bacaan selawat serta tadarus Al-Quran dan turut dihadiri oleh barisan Pengurusan Hospital UiTM. Semoga segala urusan berjalan lancar dan perkhidmatan yang terbaik dapat disampaikan kepada warga awam.





# SIDANG REDAKSI

## PENASIHAT:

**Prof Dr Sazzli Shahlan Kasim**  
Pengarah Hospital UiTM

**Dr Liyana Dhamirah Aminuddin**  
Ketua Jabatan Komunikasi Korporat

## EDITOR:

Mohd Hafidz Abdul Satar @ Ahmad Sabri

## EDITOR BERSEKUTU:

Azizzul Baharin  
Muhamad Jimikhairi Baharudin  
Mohd Arif Aminudin  
Muhammad Naim Hafiz Abdul Kamal  
'Arif 'Azim Alias  
Norfazira Ngaliman  
Siti Normasidayu Amir  
Shamsul Firdaus Shamsulkamal

## PEREKA GRAFIK:

Nurhidayah Yakob

## FOTOGRAFI:

Shafika Md Idros



Jabatan Kecemasan

Jabatan Pembedahan

Jabatan Perubatan Pemulihan

Klinik Warga

Jabatan Oftalmologi

Unit Hal Ehwal Islam, JPSM

Klinik Onkologi & Hematologi



Hospital UiTM



huitmofficial



huitmofficial



@huitmofficial



<https://hospital.uitm.edu.my/>



huitm.unitkorporat@uitm.edu.my